

Barat patut dipersalahkan perkembangan di Soviet — PM

ULU 21 AUG 1991

SMAH ALAM 20 Ogos — Malaysia merasa kuasa - kuasa Barat patut dipersalahkan di atas perkembangan yang berlaku di Soviet Union termasuk penyingkiran Presiden Mikhail Gorbachev semalam.

Perdana Menteri, Dato' Sri Mahathir Mohamad berkata, ini kerana mereka enggan memberi bantuan walaupun negara komunis itu telah melakukan pelbagai perubahan bagi mendekati diri dengan negara-negara Barat.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan di Taman Pertanian di sini, Perdana Menteri

menjelaskan, kuasa-kuasa Barat lebih mementingkan soal demokrasi dan kebebasan daripada menghulurkan bantuan kepada Soviet.

"Walaupun Gorbachev hampir merendahkan diri, kuasa-kuasa Barat masih tidak sanggup memberi bantuan.

"Layanan dingin yang ditunjukkan oleh kuasa-kuasa Barat ini mengakibatkan pihak-pihak konservatif dan fanatik di Soviet Union merasa kecewa dan melaksanakan apa yang berlaku sekarang," kata Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai mengulas perkembangan politik yang sedang berlaku di negara tersebut.

Golongan konservatif ini, kata Perdana Menteri, sudah tentu kecewa dengan dasar-dasar Gorbachev yang tidak dilayan oleh kuasa-kuasa Barat serta banyak menjejaskan ekonomi Soviet.

"Sepatutnya melihat bahawa Gorbachev begitu berani bergerak ke arah menghapuskan sistem komunis, kuasa-kuasa Barat sewajarnya memberi bantuan sepenuhnya.

"Ini, sebaliknya yang berlaku, Gorbachev semakin kehilangan kredibiliti dan akhirnya segala usaha beliau gagal kerana dasar-dasar liberalnya tidak dilayan," ujar Perdana Menteri.

Beliau berpendapat, kuasa-

kuasa Barat akan mendapat keuntungan jika mereka memberi bantuan kepada Soviet Union khususnya dalam sistem pasaran bebas yang sudah mula dilaksanakan di negara itu.

"Sistem ini tidak mudah dilakukan oleh Soviet Union seorang diri kerana mereka sudah berada di bawah pemerintahan komunis lebih 70 tahun," katanya.

Sebagai contoh, tambah beliau, di Malaysia, orang-orang Melayu diberi bantuan oleh kerajaan untuk memberi kesempatan bersaing dengan masyarakat lain.

"Di Soviet Union, tidak ada sesiapa yang mahu membantu mereka, jadi ini memberi alasan kepada pihak konservatif untuk bertindak," kata Perdana Menteri.

Ditanya tentang tindakan kerajaan Soviet Union pada masa ini yang mahu mengambil kembali kuasa ke atas negara-negara yang pernah diletakkan di bawah naungannya, Perdana Menteri berkata, perkembangan ini memang telah dijangkakan akan berlaku.

Beliau juga menjelaskan, Malaysia akan melihat perkembangan selanjutnya di Soviet Union bagi menilai kembali dasar negara terhadap negara komunis itu.